



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

KEMALANGAN MAUT DI ATAS LOMBONG PML 1/2023 BUKIT PERANGIN, KEDAH

Merujuk kepada sebuah kemalangan maut melibatkan seorang pekerja asing di tapak lombong PML 1/2023 Bukit Perangin, Mukim Temin, Daerah Kubang Pasu, Kedah, laporan awal menunjukkan kawasan muka lombong berada dalam keadaan yang tidak stabil dan mempunyai risiko runtuh susulan.

Hasil siasatan awal yang dijalankan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mendapati pihak lombong telah meletakkan tali penghadang sebagai langkah kawalan keselamatan bagi mengelakkan kawasan kejadian daripada diceroboh masuk. Walau bagaimanapun, pemeriksaan sekitar mendapati tiada sebarang papan tanda keselamatan atau peringatan diletakkan berhampiran kawasan kejadian.

Rakaman saksi utama kejadian memaklumkan bahawa para pekerja telah mengingkari arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan agar menjalankan kerja di kawasan yang telah ditetapkan.

Lawatan susulan melalui dron mendapati terdapat banyak retakan pada struktur batuan yang boleh menyebabkan runtuh dan kawasan kerja masih dikategori sebagai tidak selamat.

Dalam hal ini, segala kerja dalam kawasan lombong telah diarah untuk dihentikan merujuk kepada Seksyen 21(2) Akta Pembangunan Mineral 1994. Selain itu, arahan juga telah dikeluarkan agar kesemua akses masuk ke kawasan kejadian ditutup sehingga siasatan selesai dijalankan.

Surat Arahan Henti Tugas (*Stop Work Order*) telah dikeluarkan oleh JMG pada 1 Februari 2024. Pemegang Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) telah diarah untuk mengemukakan laporan lengkap kemalangan maut, kajian semula Pelan Pengurusan Keselamatan dan Laporan Penilaian Kestabilan Cerun dan Mitigasi untuk pertimbangan lanjut JMG dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Kementerian sentiasa memandang serius setiap kemalangan yang berlaku terutamanya yang melibatkan pekerja, orang awam dan harta benda. Pihak majikan diingatkan supaya sentiasa bertanggungjawab dalam mematuhi segenap aspek keselamatan di tempat kerja serta mematuhi Akta Pembangunan Mineral 1994 yang berkuatkuasa.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
3 FEBRUARI 2024